

Permohonan untuk kuarantin di rumah /
Application for Home Quarantine:

Sila ke laman / Please go to the site:

<https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld.53 (31)
Tarikh : 18 Oktober 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 18 /2021 PEMAKLUMAN MENGENAI PELAKSANAAN PROTOKOL TEST AND RELEASE (T&R)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. TUJUAN

Memaklumkan mengenai pelaksanaan program rintis protokol *test and release* (T&R) kepada kumpulan pengembara yang dikenalpasti.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan hasrat serta usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang atau tiba dari luar negara dan memasuki Malaysia, perlu menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib), berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- 2.2 Individu yang dikenakan perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) sebagaimana senario di atas dan memegang 'Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta 342' dirujuk sebagai *Person Under Surveillance* (PUS).
- 2.3 Dalam hal ini, melalui surat arahan terdahulu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan mana-mana PUS

yang diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian kerana risiko jangkitan COVID-19 akan dikuarantin selama 14 hari dari tarikh ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Kajian yang dijalankan di peringkat antarabangsa mendapati varian Delta bagi virus SARS-CoV-2 lebih mudah menular pada awal jangkitan dan dikaitkan dengan tempoh jangkitan yang lebih lama. Namun, vaksin dapat memendekkan tempoh jangkitan tersebut.
- 3.2 Disamping itu juga, sehingga 14 Oktober 2021 sejumlah 75.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia telah menerima 1 dos vaksin, manakala 67.1% lagi telah lengkap 2 dos.
- 3.3 Perkembangan positif ini adalah penting dalam menyokong usaha Malaysia bagi memelihara dan meningkatkan hubungan diplomatik serta kerjasama dalam kalangan pelbagai negara asing di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Ini membolehkan pemimpin negara mengadakan lawatan ke luar negara bagi menjamin kesinambungan hubungan dan kerjasama antara Malaysia dan rakan-rakan strategik, memastikan kelangsungan serta memulihkan pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19, sambil meminimakan risiko penularan wabak COVID-19 dalam negara.
- 3.4 Mengambil kira bukti saintifik dan keperluan semasa tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan program rintis protokol *test and release* (T&R) melibatkan kumpulan pengembara yang telah dikenalpasti sebagaimana berikut, **terhad bagi lawatan kerja rasmi sahaja**:
 - (i) Pembesar Negara;
 - (ii) Menteri;
 - (iii) Timbalan Menteri;
 - (iv) Menteri Besar;
 - (v) Ketua Menteri;
 - (vi) Exco Kerajaan Negeri;
 - (vii) Ahli-ahli Parlimen;
 - (viii) Pegawai-pegawai Kerajaan.

Berdasarkan dapatan dari program rintis ini, kemudahan T&R ini akan turut diperluaskan kepada pengembara perniagaan (*business travellers*) dalam waktu yang terdekat.

- 3.5 Kemudahan T&R ini hanya **terhad kepada individu yang telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19**. Dalam hal ini, bagi jenis vaksin yang memerlukan dua (2) dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepasi 14 hari dari tarikh suntikan dos kedua – pada tarikh permohonan dikemukakan. Manakala bagi jenis vaksin yang memerlukan hanya satu (1) dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepasi 28 hari dari tarikh suntikan – pada tarikh permohonan dikemukakan.
- 3.6 Delegasi yang **melawati negara dalam senarai kategori merah (red list countries) tidak boleh dipertimbangkan untuk kemudahan T&R** dan masih tertakluk kepada keperluan untuk menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) setelah pulang ke Malaysia. Sebagai rujukan, senarai negara kategori merah ini boleh diakses melalui laman sesawang rasmi COVID-19 atau saluran media sosial rasmi milik KKM.
- 3.7 Justeru, tatacara dan syarat-syarat pelaksanaan bagi program rintis protokol T&R ini adalah seperti berikut:

Sebelum Lawatan

- (i) Mengemukakan surat permohonan dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh berlepas kepada YB Menteri Kesihatan atau Ketua Pengarah Kesihatan dengan mengandungi dokumen sokongan yang meliputi:
- Jadual program lawatan mengikut aturcara perjalanan yang terkawal (*controlled itinerary*);
 - Senarai nama ahli delegasi yang mengikuti lawatan kerja rasmi tersebut;
 - Salinan sijil vaksinasi COVID-19 bagi setiap ahli delegasi.
- (ii) Pematuhan terhadap segala ketetapan prosedur kesihatan yang digariskan oleh negara yang akan dilawati, yang meliputi keperluan untuk menjalani ujian saringan COVID-19 mengikut sela masa yang ditentukan, dengan menggunakan teknik yang ditetapkan;

- (iii) Menghadkan bilangan delegasi yang mengikuti lawatan kepada suatu jumlah yang benar-benar perlu sahaja sebagai satu langkah berjaga-jaga dalam mengawal penularan jangkitan COVID-19;
- (iv) Delegasi terlibat akan mengikuti jadual program yang terkawal (*controlled itinerary*), iaitu hanya bagi acara rasmi yang tidak melibatkan orang ramai dengan jangka masa lawatan terhad kepada 14 hari sahaja.

Semasa Lawatan

- (i) Pematuhan terhadap segala ketetapan prosedur kesihatan (SOP) yang digariskan oleh negara yang dilawati - yang mungkin meliputi keperluan untuk menjalani ujian ulangan COVID-19 sebaik tiba di destinasi;
- (ii) Sepanjang tempoh lawatan, pemimpin dan delegasi sentiasa mengamalkan perkara-perkara berikut:
 - Elakkan kawasan yang sesak, elakkan kawasan yang sempit, elakkan dari bersembang atau bercakap dalam jarak yang dekat dan elakkan dari bersalaman/bersentuhan;
 - Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*) serta mengamalkan etika batuk dan bersin pada setiap masa;
 - Pemakaian pelitup separuh muka (*face mask*) khususnya di tempat tumpuan ramai atau apabila penjarakan fizikal 1 meter sukar untuk dikekalkan antara sesama individu; dan
 - Mendapatkan rawatan segera sekiranya bergejala.
- (iii) Menjalani ujian PCR COVID-19 dalam tempoh 72 jam (3 hari) sebelum tarikh berlepas pulang ke Malaysia dan perlu mendapat keputusan negatif.

Namun, sekiranya keputusan ujian COVID-19 yang dijalani tersebut didapati positif, individu terbabit berserta delegasi lain adalah tertakluk kepada prosedur kesihatan yang

digariskan oleh negara yang sedang dilawati – antaranya, individu tersebut berkemungkinan akan dimasukkan ke hospital di negara yang dilawati untuk menerima rawatan sementara delegasi lain dikuarantin, dan hanya dibenarkan pulang ke Malaysia selepas tamat tempoh kuarantin/ selesai menerima rawatan.

Selepas Lawatan

- (i) Semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara, delegasi terlibat perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh KKM;
- (ii) Pengambilan sampel bagi ujian PCR COVID-19 seurus tiba di PMA dan mereka perlu menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) di rumah kediaman selaras dengan peruntukan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 [Akta 342], sementara menunggu keputusan ujian sekitar 24-48 jam:
 - Jika keputusan ujian adalah negatif, individu terbabit perlu mengemukakan keputusan ujian itu kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian serta gelang tangan pengawasan akan ditanggalkan oleh pegawai yang diberikuasa. Mereka dikehendaki untuk meneruskan pemantauan kesihatan sendiri melalui aplikasi MySejahtera selama tujuh (7) hari dari tarikh ketibaan. Begitu juga, mereka wajar menghadkan pergerakan dan mengelakkan dari melawati tempat tumpuan ramai sehingga tamat tempoh tujuh (7) hari dari tarikh ketibaan;
 - Jika keputusan ujian adalah positif, individu terlibat akan diuruskan mengikut ketetapan sedia ada – begitu juga dengan kontak rapatnya.

3.8 Bagi lawatan kerja rasmi yang berlangsung dalam tempoh masa yang singkat, dimana pengembara tidak berkesempatan untuk menjalani ujian PCR COVID-19 dalam tempoh 72 jam (3 hari) sebelum tarikh berlepas pulang ke Malaysia – berikut merupakan

tatacara ringkas mengenai pelaksanaan kemudahan T&R bagi golongan ini:

- (i) Semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara, delegasi terlibat perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh KKM;
- (ii) Pengambilan sampel bagi ujian PCR COVID-19 **tidak dijalankan** kepada mereka seurus tiba di PMA;
- (iii) Pemakaian gelang tangan (*wristband*) pengawasan dan keperluan untuk menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) di rumah kediaman selaras dengan peruntukan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 [*Akta 342*];
- (iv) Sepanjang menjalani tempoh kuarantin wajib di rumah kediaman masing-masing, mereka adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut:
 - Perlu sentiasa boleh dihubungi pada setiap masa;
 - Pemakaian gelang tangan (*wristband*) pengawasan sepanjang tempoh menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian;
 - Kuarantin dalam bilik berasingan, iaitu tiada kontak dengan ahli keluarga/ isi rumah yang lain;
 - Mengamalkan penjarakan fizikal yang optimum pada setiap masa, iaitu menggunakan pelitup muka apabila keluar dari bilik dan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter;
 - Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*);
 - Mengemaskini status kesihatan sendiri (*Home Assessment Tool - HAT*) dalam aplikasi MySejahtera setiap hari; dan

- Pada bila-bila masanya sekiranya bergejala, mereka hendaklah segera menjalankan ujian pengesanan COVID-19 secara sendiri dan melaporkan keputusan ujian secepat mungkin di aplikasi MySejahtera untuk tindakan selanjutnya.
- (v) Menjalani ujian ulangan PCR COVID-19 pada hari ketiga tempoh kuarantin tersebut;
- Jika keputusan ujian adalah negatif, individu terbabit perlu mengemukakan keputusan ujian itu kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian serta gelang tangan pengawasan akan ditanggalkan oleh pegawai yang diberikuasa. Mereka dikehendaki untuk meneruskan pemantauan kesihatan sendiri melalui aplikasi MySejahtera selama tujuh (7) hari dari tarikh ketibaan. Begitu juga, mereka wajar menghadkan pergerakan dan mengelakkan dari melawati tempat tumpuan ramai sehingga tamat tempoh tujuh (7) hari dari tarikh ketibaan;
 - Jika keputusan ujian adalah positif, individu terlibat akan diuruskan mengikut ketetapan sedia ada – begitu juga dengan kontak rapatnya.

Tatacara seperti pada perenggan 3.8 ini juga terpakai bagi pengembara yang gagal mengemukakan keputusan ujian PCR COVID-19 yang dijalani tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas, apabila tiba di PMA.

- 3.9 KKM ingin menyeru semua pengembara yang akan menggunakan kemudahan T&R yang diperuntukkan ini, untuk mememanfaatkannya secara optimum dengan penuh disiplin dan rasa tanggungjawab.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari 18 Oktober 2021.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WP Putrajaya
No. Telefon: 03-8883 4419 / 4143 No. Faks: 03-8881 0400
E-mel: hso@moh.gov.my (u.p.: Dr. Maria Suleiman)

6. PENUTUP


YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai arahan terbaru ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld.53(27)
Tarikh : 16 Oktober 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.16/2021
PEMAKLUMAN MENGENAI PENGURANGAN TEMPOH PERINTAH
PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. TUJUAN

Memaklumkan mengenai pengurangan tempoh perintah pengawasan dan pemerhatian dalam kalangan individu yang tiba dari luar negara dan kontak rapat kepada kes positif COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Berdasarkan subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], mana-mana pegawai diberikuasa boleh memerintahkan kontak, iaitu mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dijangkiti COVID-19, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan (berdasarkan tafsiran di bawah seksyen 2 Akta 342), supaya menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di mana-mana tempat yang difikirkan patut sehingga mereka boleh dilepaskan dari pengawasan dan pemerhatian tanpa membahayakan orang ramai.

2.2 Pada ketika ini, terdapat beberapa kategori kontak yang akan diberikan perintah pengawasan dan pemerhatian – iaitu sebagaimana berikut:

- (i) mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen untuk memasuki Malaysia dari luar negara;
- (ii) kontak rapat kepada kes positif;
- (iii) individu yang tinggal dalam kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD); atau
- (iv) individu yang diberi perintah pengawasan dan pemerhatian oleh pegawai diberikuasa, contohnya individu yang pulang dari kawasan berisiko tinggi berlaku penularan jangkitan seperti yang diumumkan Kerajaan.

2.3 Melalui surat arahan terdahulu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan mana-mana individu yang diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian kerana risiko jangkitan COVID-19 dikuarantin selama 14 hari dari tarikh akhir pendedahan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Kajian yang dijalankan di peringkat antarabangsa mendapati varian Delta bagi virus SARS-CoV-2 lebih mudah menular pada awal jangkitan dan dikaitkan dengan tempoh jangkitan yang lebih lama. Namun, vaksin dapat memendekkan tempoh jangkitan tersebut.
- 3.2 Begitu juga, berdasarkan dapatan ini beberapa buah negara telah mengurangkan tempoh kuarantin yang dikenakan kepada pengembara antarabangsa yang tiba di Pintu Masuk Antarabangsa mereka.
- 3.3 Seterusnya, sehingga 14 Oktober 2021 sejumlah 75.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia telah menerima 1 dos vaksin, manakala 67.1% lagi telah lengkap 2 dos.
- 3.4 Mengambil kira bukti saintifik dan situasi semasa, KKM telah menyemak semula tempoh pengawasan dan pemerhatian dalam kalangan individu yang tiba dari luar negara dan kontak rapat kepada kes positif COVID-19, kepada ketetapan baharu sebagaimana berikut:

- (i) tempoh berkenaan dipendekkan dari 14 hari kepada **tujuh (7) hari bagi individu yang telah menerima dos lengkap vaksin**; dan
- (ii) tempoh berkenaan dipendekkan dari 14 hari kepada **sepuluh (10) hari bagi individu yang belum lengkap divaksin atau tidak menerima vaksin**.

Dalam hal ini, bagi jenis vaksin yang memerlukan dua (2) dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepasi 14 hari dari tarikh suntikan dos kedua. Manakala bagi jenis vaksin yang memerlukan hanya satu (1) dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepasi 28 hari dari tarikh suntikan.

- 3.5 Bagi pengembara yang tiba dari luar negara dan telah menerima dos lengkap vaksin, mereka boleh memohon untuk menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) di rumah kediaman dengan mengemukakan permohonan secara atas talian, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh ketibaan di Malaysia melalui laman sesawang *Home Quarantine Application* (HQA) yang boleh diakses melalui pautan berikut:

<https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>

Namun, kelulusan adalah tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan, termasuk kesesuaian rumah kediaman tersebut – yang antara lain meliputi ketersediaan bilik tidur berasingan yang dilengkapi dengan kemudahan tandas untuk kegunaan individu yang menjalani kuarantin. Jika rumah kediaman tidak bersesuaian, mereka perlu menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib) di pusat kuarantin yang diwartakan oleh Kerajaan dengan menanggung sepenuhnya kos kuarantin yang berkaitan.

- 3.6 Pengembara yang tiba dari luar negara (tanpa mengira status vaksinasi) masih tertakluk kepada lain-lain ketetapan sediaada iaitu:

- (i) menjalani ujian PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas. Pengembara yang gagal mengemukakan keputusan ujian PCR COVID-19 yang dijalankan tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas apabila tiba di PMA, diwajibkan untuk menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian selama sepuluh (10) hari walaupun jika mempunyai bukti telah menerima dos lengkap vaksin;

- (ii) memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera;
- (iii) menjalani saringan gejala dan ujian PCR COVID-19 semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara;
- (iv) menggunakan aplikasi MySejahtera untuk melakukan penilaian kesihatan sendiri serta memantau sebarang kewujudan gejala setiap hari sepanjang tempoh menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin wajib). Sekiranya mempunyai sebarang gejala sepanjang tempoh tersebut, perlu segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

3.7 Justeru, pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian akan diberikan kepada individu yang tiba dari luar negara dan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 apabila syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (i) menjalani ujian ulangan PCR COVID-19 pada hari ke-5, sekiranya menjalani kuarantin bagi tempoh tujuh (7) hari. Sekiranya keputusan ujian ulangan tersebut didapati negatif, mereka akan diberikan pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian pada hari ke-8;
- (ii) menjalani ujian ulangan PCR COVID-19 pada hari ke-8, sekiranya menjalani kuarantin bagi tempoh sepuluh (10) hari. Sekiranya keputusan ujian ulangan tersebut didapati negatif, mereka akan diberikan pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian pada hari ke-11.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari 18 Oktober 2021.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WP Putrajaya
No. Telefon: 03-8883 4419 / 4143 No. Faks: 03-8881 0400
E-mel: hso@moh.gov.my (u.p.: Dr. Maria Suleiman)

6. PENUTUP


YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai arahan terbaru ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)